

## Pelan Perlindungan Applecare untuk iPad – Asia/Pasifik

### Bagaimana Hak Pengguna Mempengaruhi Pelan ini

**BAGI PENGGUNA-PENGGUNA DALAM BIDANG KUASA YANG MEMPUNYAI MANFAAT UNDANG-UNDANG ATAU PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN PENGGUNA, MANFAAT YANG DIBERIKAN OLEH PELAN YANG DISEBUTKAN DI ATAS ADALAH SEBAGAI TAMBAHAN KEPADA SEMUA HAK-HAK DAN REMEDI-REMEDI YANG DIBEKALKAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN-PERATURAN TERSEBUT. TIADA APA-APA DALAM PELAN INI AKAN MEMPREJUDISKAN HAK PENGGUNA YANG DIBERIKAN OLEH UNDANG-UNDANG MANDATORI TERPAKAI, TERMASUK HAK PENGGUNA KEPADA REMEDI-REMEDI DI BAWAH UNDANG-UNDANG WARANTI STATUTORI DAN UNTUK MENUNTUT GANTI RUGI DI DALAM KEADAAN KETIDAK LAKSANAAN PENUH ATAU SEPARA, ATAU PELAKSANAAN TIDAK MENCUKUPI, OLEH APPLE ATAS MANA-MANA KEWAJIPAN-KEWAJIPAN KONTRAKNYA.**

**1. Pelan.** Kontrak servis ini mentadbir servis perkakasan dan bantuan teknikal yang disediakan kepada anda oleh Apple di bawah pelan yang disebutkan di atas (“Pelan”) untuk produk jenama Apple dan aksesori-aksesori yang terkandung dalam bungkusan asalnya (“Peralatan Dilindungi”) yang disenaraikan dalam bukti dokumen liputan (“Pengesahan Pelan”). Untuk tujuan Pelan ini, Apple bermaksud entiti atau pengganti dalam hakmilik kepada entiti yang disenaraikan dalam seksyen 12 di bawah.

#### **2. Bila Liputan Bermula dan Berakhir**

Liputan bermula semasa anda membeli Pelan tersebut dan berakhir pada tarikh yang dinyatakan dalam Pengesahan Pelan (“Tempoh Liputan”). Untuk mendapat Pengesahan Pelan anda, anda hendaklah mendaftarkan Peralatan Dilindungi anda dan nombor pendaftaran Pelan anda (“Nombor Perjanjian Pelan”) dengan Apple. Jika pendaftaran automatik adalah tersedia, resit jualan anda akan menjadi Pengesahan Pelan anda. Terma-terma Pelan ini, resit jualan asal untuk Pelan anda dan Pengesahan Pelan adalah masing-masing sebahagian daripada kontrak servis anda. Harga Pelan tersebut adalah terkandung dalam resit jualan asal. Servis perkakasan dan liputan bantuan teknikal yang disediakan oleh Pelan tersebut adalah sebagai tambahan kepada liputan yang diberikan oleh waranti perkakasan pengeluaran dan bantuan teknikal percuma.

#### **3. Apa yang Dilindungi?**

##### 3.1 Servis Perkakasan

Jika semasa Tempoh Liputan, anda mengemukakan tuntutan yang sah dengan memaklumkan apple bahawa (i) suatu kerosakan dalam bahan dan mutu kerja telah timbul dalam Peralatan Dilindungi atau, (ii) kapasiti bateri Peralatan Dilindungi untuk menyimpan cas elektrik telah kurang lima puluh peratus (50%) atau lebih daripada spesifikasi asalnya, Apple akan sama ada (a) membaiki kerosakan tanpa caj, dengan menggunakan bahagian-bahagian baru atau bahagian-bahagian yang diperbaharui yang setanding dengan prestasi dan kebolehpercayaan yang baru (b) menukar Peralatan Dilindungi dengan produk gantian yang baru atau standing dengan baru dari segi prestasi dan kebolehpercayaan dan berfungsi setanding dengan produk asal. Jika Apple menukarkan Peralatan Dilindungi, produk asal menjadi harta Apple dan produk gantian adalah harta anda, dengan liputan untuk tempoh baki pelan.

##### 3.2 Peralatan Dilindungi

Sebagai tambahan kepada produk jenama Apple dan aksesori yang terkandung di dalam bungkusan asal, "Peralatan Dilindungi" adalah merangkumi AirPort Extreme Card, AirPort Express atau AirPort Extreme Base Station, dan Time Capsule, jika digunakan dengan Peralatan Dilindungi dan secara asalnya dibeli oleh anda tidak kurang daripada dua tahun sebelum pembelian Peralatan Dilindungi tersebut.

### 3.3 Bantuan Teknikal

Dalam Tempoh Liputan, Apple akan menyediakan kepada anda akses kepada sumber bantuan teknikal melalui telefon dan berasaskan web. Bantuan teknikal mungkin termasuk bantuan pemasangan, pelancaran, konfigurasi, penyelesaian masalah, dan pemulihan (melainkan pemulihan data), termasuk penyimpanan, mendapatkan semula, dan pengurusan fail; penafsiran mesej kesilapan sistem; dan penentuan bila servis perkakasan diperlukan. Apple akan menyediakan bantuan untuk versi perisian disokong pada ketika itu, dan untuk Major Release sebelum itu. Untuk tujuan seksyen ini, "Major Release" bermaksud suatu versi perisian penting yang dikeluarkan secara komersial oleh Apple dalam format nombor pengeluaran misalnya "1.0" atau "2.0" dan bukan dalam bentuk beta atau bentuk pra-pengeluaran. Skop bantuan teknikal yang disediakan kepada anda adalah berlainan menurut Pelan anda.

### 3.4 Skop Bantuan Teknikal

Di bawah Pelan tersebut, Apple akan menyediakan bantuan teknikal kepada Peralatan Dilindungi, iPad OS ("iOS") dan aplikasi perisian yang dipasangkan sebelumnya dengan Peralatan Dilindungi (kedua-duanya dirujuk sebagai "Perisian Pengguna") dan isu penyambungan antara Peralatan Dilindungi dan "Komputer Disokong", bermaksud suatu komputer yang memenuhi spesifikasi penyambungan Peralatan Dilindungi.

## **4. Apa yang Tidak Dilindungi?**

4.1 Servis Perkakasan. Apple mungkin menghadkan servis kepada negara belian asal Peralatan Dilindungi. Pelan tersebut tidak dipakai ke atas:

- (i) Pemasangan, penyingkiran atau pelupusan Peralatan Dilindungi, atau pembekalan peralatan semasa Peralatan Dilindungi sedang diservis;
- (ii) Kerosakan yang diakibatkan oleh (a) suatu produk yang bukan Peralatan Dilindungi, (b) kemalangan, penyalahgunaan, sentuhan dengan cecair, kebakaran, gempa bumi atau punca-punca luaran yang lain, (c) menggunakan Peralatan Dilindungi di luar penggunaan yang dibenarkan atau diniatkan yang dinyatakan oleh pengeluar, atau (d) servis (termasuk peningkatan dan pengembangan) yang dijalankan oleh sesiapa yang bukan wakil Apple atau Pembekal Servis Yang Diberikuasa Apple ("AASP") ;
- (iii) Peralatan Dilindungi dengan nombor siri yang telah diubah, dirosakkan atau ditanggalkan, atau telah diubah suai untuk mengubah kefungsiannya atau keupayaannya tanpa kebenaran bertulis pengeluar;
- (iv) Peralatan Dilindungi yang telah hilang atau dicuri. Pelan ini hanya meliputi Peralatan Dilindungi yang dipulangkan kepada Apple secara keseluruhan;
- (v) Kerosakan kosmetik kepada Peralatan Dilindungi termasuk tetapi tidak terhad kepada calar, lekuk dan plastik pecah pada port-port;

- (vi) Penyenggaraan cegahan pada Peralatan Dilindungi; atau
- (vii) Kerosakan yang diakibatkan oleh haus dan lusuh biasa atau disebabkan oleh peningkatan usia produk yang biasa ;

#### 4.2 Bantuan Teknikal Pelan tersebut tidak merangkumi:

- (i) Penggunaan iOS dan Perisian Pengguna oleh anda sebagai aplikasi berasaskan server;
- (ii) Isu-isu yang boleh diselesaikan dengan meningkatkan perisian kepada versi semasa ketika itu;
- (iii) Produk pihak ketiga atau kesan atau interaksi mereka dengan Peralatan Dilindungi, iOS atau Perisian Pengguna;
- (iv) Penggunaan komputer atau sistem operasi oleh anda yang tidak berkaitan dengan Perisian Pengguna atau isu penyambungan dengan Peralatan Dilindungi;
- (v) Perisian Apple selain daripada iOS atau Perisian Pengguna, yang Dilindungi di bawah Pelan tersebut;
- (vi) Perisian iOS atau perisian jenama Apple yang ditandakan sebagai "beta", "prerelease" atau "preview" atau perisian yang ditandakan serupa dengannya; atau
- (vii) Kerosakan kepada, atau kehilangan mana-mana perisian atau data yang berada atau dirakamkan pada Peralatan Dilindungi. Pemulihan dan pemasangan semula program perisian dan data pengguna tidak dilindungi di bawah Pelan ini.

### **5. Bagaimana mendapatkan Servis dan Bantuan?**

Anda boleh mendapatkan servis perkakasan dan bantuan teknikal dengan mengakses laman web Apple ([www.apple.com/support/country](http://www.apple.com/support/country)) atau menghubungi nombor telefon tersenarai di dalam Panduan Rujukan Cepat AppleCare ("Panduan")(AppleCare Quick Reference Guide). Panduan adalah termasuk dalam bungkusan Pelan. Jika menelefon, seorang wakil bantuan teknikal Apple akan menjawab, meminta Nombor Perjanjian Pelan atau nombor siri Peralatan Dilindungi sebelum memberi bantuan. Simpan dokumen pengesahan Pelan anda dan resit jualan asal untuk Peralatan Dilindungi anda dan Pelan anda, kerana ia akan diperlukan jika terdapat pertanyaan tentang kelayakan produk anda kepada liputan.

### **6. Pilihan-pilihan Servis Perkakasan**

6.1 Apple akan menyediakan servis perkakasan melalui satu atau lebih daripada pilihan-pilihan berikut:

(i) Servis dibawa masuk ("carry-in"). Pulangkan Peralatan Dilindungi ke kedai runcit milik Apple atau lokasi AASP yang menyediakan servis dibawa masuk ("carry-in"). Servis akan dijalankan di lokasi tersebut, atau kedai tersebut mungkin menghantar Peralatan Dilindungi ke lokasi servis pembaikan apple (Apple repair service)("ARS") untuk dibaiki atau digantikan. Sebaik sahaja anda dimaklumkan bahawa servis telah siap, anda akan mengambil semula dengan segera Peralatan Dilindungi tersebut.

(ii) Servis dipos masuk ("mail-in"). Jika Apple menentukan bahawa Peralatan Dilindungi anda adalah layak untuk servis dipos masuk ("mail-in"), Apple akan menghantar bil-bil angkutan prabayar (prepaid way bills) (dan jika anda tidak lagi mempunyai bungkusan asal, Apple mungkin menghantar bahan bungkusan kepada anda) dan anda akan

mengirimkan Peralatan Dilindungi ke lokasi ARS mengikut arahan Apple. Sebaik sahaja servis siap, lokasi ARS tersebut akan memulangkan Peralatan Dilindungi atau produk gantian kepada anda. Apple akan membayar untuk pengiriman ke dan dari lokasi anda jika semua arahan diikuti.

(iii) Gantian ekspres atau servis bahagian-bahagian buat sendiri (do-it-yourself) (“DIY”). Gantian ekspres adalah tersedia untuk sesetengah produk Peralatan Dilindungi, dan servis bahagian-bahagian DIY adalah tersedia untuk kebanyakan bahagian-bahagian Peralatan Dilindungi, yang membenarkan anda untuk menserviskan produk anda sendiri. Jika servis bahagian-bahagian DIY adalah tersedia dalam keadaan tersebut, proses berikut akan terpakai.

(a) Servis di mana Apple menghendaki pemulangan produk gantian atau bahagian. Apple mungkin menghendaki pemberian kuasa kad kredit sebagai jaminan kepada harga runcit produk gantian atau bahagian dan kos perkapalan terpakai. Jika anda tidak dapat memberi pemberian kuasa kad kredit, servis mungkin tidak tersedia kepada anda dan Apple mungkin menawarkan pengaturan alternatif untuk servis. Apple akan mengirimkan produk gantian atau bahagian kepada anda dengan arahan pemasangan, jika terpakai, dan mana-mana syarat untuk pemulangan produk gantian atau bahagian. Jika anda mengikut arahan, Apple akan membatalkan pemberian kuasa kad kredit, jadi anda tidak akan dikenakan caj untuk produk atau bahagian dan pengiriman ke dan dari lokasi anda. Jika anda gagal memulangkan produk gantian atau bahagian seperti diarahkan atau memulangkan produk gantian atau bahagian yang tidak layak untuk servis, Apple akan mengenakan caj kredit kad tersebut untuk amaun yang telah dibenarkan.

(b) Servis di mana Apple tidak menghendaki pemulangan produk gantian atau bahagian. Apple akan mengirimkan kepada kamu untuk percuma produk gantian atau bahagian diiringi dengan arahan-arahan untuk pemasangan, jika terpakai, dan mana-mana syarat untuk pelupusan produk gantian atau bahagian.

(c) Apple tidak bertanggung jawab untuk kos kerja yang anda datangkan berkaitan dengan gantian ekspres atau servis bahagian-bahagian DIY. Jika anda memerlukan bantuan selanjutnya, sila hubungi Apple dengan nombor telefon yang tersenarai di bawah.

6.2 Apple merizabkan hak untuk mengubah cara Apple menyediakan servis pembaikan atau gantian kepada anda, dan kelayakan Peralatan Dilindungi anda untuk menerima cara servis yang tertentu. Servis akan terhad kepada pilihan-pilihan tersedia dalam negara di mana servis diminta. Pilihan-pilihan servis, ketersediaan bahagian-bahagian dan masa respons mungkin berbeza menurut negara. Anda mungkin bertanggungjawab untuk caj pengiriman dan pengendalian jika Peralatan Dilindungi tidak boleh diservis dalam negara di mana ia berada. Jika anda mencari servis dalam negara yang bukan negara belian, anda akan mematuhi segala undang-undang dan peraturan-peraturan import dan eksport terpakai dan bertanggungjawab untuk segala cukai kastam, V.A.T. dan cukai dan caj lain yang berkaitan. Untuk servis antarabangsa, Apple mungkin membaiki atau menukar produk dan bahagian-bahagian cacat dengan produk dan bahagian-bahagian setanding yang mematuhi taraf tempatan.

## **7. Tanggungjawab Anda**

Untuk menerima servis atau sokongan di bawah Pelan, anda bersetuju untuk mematuhi yang berikut:

- (i) Memberi Nombor Perjanjian Pelan dan sesalinan bukti belian asal Pelan anda, jika diminta;
- (ii) Memberi maklumat mengenai simptom-simptom dan sebab-sebab isu yang berkaitan dengan Peralatan Dilindungi;
- (iii) Respon kepada permintaan untuk maklumat termasuk tetapi tidak terhad kepada nombor siri, model, versi sistem operasi dan perisian yang dipasang pada Peralatan Dilindungi, sebarang peranti tambahan dihubungkan atau dipasang pada Peralatan Dilindungi, sebarang mesej kesilapan dipaparkan, tindakan yang diambil sebelum Peralatan Dilindungi mengalami isu tersebut dan langkah-langkah diambil untuk menyelesaikan isu tersebut;
- (iv) Mengikut arahan Apple yang diberikan kepada anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada menahan daripada menghantar kepada Apple produk dan aksesori yang tidak tertakluk kepada servis pembaikan dan penggantian Peralatan Dilindungi dan membungkus Peralatan Dilindungi mengikut arahan-arahan pengiriman; dan
- (v) Mengemaskinikan perisian kepada pengeluaran yang terkini dikeluarkan sebelum mendapatkan servis;
- (vi) Memastikan anda membuat "backup" kepada perisian dan data yang berada dalam Peralatan Dilindungi. SEMASA SERVIS APP FOR IPAD, APPLE AKAN MEMBATALKAN KANDUNGAN IPAD DAN MEMFORMAT SEMULA MEDIA SIMPANAN. Apple akan memulangkan iPad anda atau menyediakan iPad gantian seperti dikonfigurasi pada asalnya, tertakluk kepada pengemaskinian terpakai. Apple mungkin memasang pengemaskinian iOS sebagai sebahagian daripada servis perkakasan yang akan menghalang iPad tersebut daripada kembali kepada versi iOS yang lebih awal. Aplikasi pihak ketiga yang dipasangkan pada iPad mungkin tidak sepadan atau berjalan dengan iPad akibat pengemaskinian iOS. Anda akan bertanggungjawab untuk pemasangan semula semua program, data dan kata laluan perisian yang lain.

## **8. Had Liabiliti**

SETAKAT MAKSIMUM YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG TERPAKAI, APPLE DAN PEKERJA-PEKERJA DAN EJEN-EJENNYA DI BAWAH APA-APA KEADAAN TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA ANDA ATAU MANA-MANA PEMILIK SUSULAN UNTUK SEBARANG GANTI RUGI TIDAK LANGSUNG ATAU TURUTAN, TERMASUK TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA KOS MENDAPATKAN SEMULA, MEMPROGRAMKAN SEMULA ATAU MENGEKALKAN SEMULA SEBARANG PROGRAM ATAU DATA ATAU KEGAGALAN UNTUK MENGEKALKAN KESULITAN DATA, SEBARANG KEHILANGAN PERNIAGAAN, KEUNTUNGAN, HASIL ATAU SIMPANAN YANG DIJANGKA, HASIL DARIPADA OBLIGASI APPLE DIBAWAH PELAN INI. SETAKAT MAKSIMUM YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG TERPAKAI, HAD LIABILITI APPLE DAN PEKERJA-PEKERJANYA DAN EJEN-EJENNYA KEPADA ANDA DAN MANA-MANA PEMILIK SUSULAN YANG TIMBUL DARIPADA PELAN TIDAK AKAN MELEBIHI HARGA ASAL YANG DIBAYAR UNTUK PELAN. APPLE SECARA SPESIFIK TIDAK MENJAMIN BAHAWA IA BOLEH (i) MEMBAIKI ATAU MENGGANTI PERALATAN DILINDUNGI TANPA RISIKO ATAU KEHILANGAN PADA PROGRAM ATAU DATA, DAN (ii) MENGEKALKAN KESULITAN DATA, ATAU (iii) BAHAWA OPERASI PRODUK AKAN TIDAK TERGANGGU ATAU BEBAS DARIPADA KEROSAKAN.

UNTUK PELANGGAN-PELANGGAN DALAM BIDANG KUASA YANG MENDAPAT MANFAAT DARIPADA UNDANG-UNDANG ATAU PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN PENGGUNA, MANFAAT-MANFAAT YANG DIKURNIAKAN OLEH PELAN INI ADALAH TAMBAHAN KEPADA SEGALA HAK DAN REMEDI DIPERUNTUKKAN DIBAWAH UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN-PERATURAN TERSEBUT. SETAKAT MANA LIABILITI DIBAWAH UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN-PERATURAN TERSEBUT BOLEH DIHADKAN,

LIABILITI APPLE ADALAH TERHAD, MENURUT PILIHAN APPLE SAHAJA, UNTUK MENGGANTIKAN ATAU MEMBAIKI PERALATAN DILINDUNGI ATAU MEMBEKALKAN SERVIS. BEBERAPA NEGERI ATAU WILAYAH TIDAK MEMBENARKAN PENGECUALIAN ATAU PENGEHADAN GANTI RUGI SAMPINGAN ATAU TURUTAN, MAKA BEBERAPA ATAU SEGALA PENGEHADAN DI ATAS MUNGKIN TIDAK TERPAKAI PADA ANDA.

## **9. Pembatalan**

Anda boleh membatalkan Pelan ini pada bila-bila masa untuk apa-apa alasan. Jika anda memutuskan untuk membatalkan Pelan ini, sila hubungi Apple di nombor-nombor telefon yang disenaraikan dalam Panduan, atau hantar atau faks notis bertulis dengan Nombor Perjanjian Pelan anda kepada lokasi sesuai di negara belian anda seperti yang disenaraikan dalam Seksyen 12 di bawah. Sesalinan bukti asal belian Pelan mesti mengiringi notis anda. Kecuali undang-undang tempatan memperuntukkan sebaliknya, jika anda batalkan dalam masa tiga puluh (30) hari daripada belian Pelan anda atau penerimaan Terma-terma dan Syarat-syarat ini, yang mana berlaku kemudian, anda akan menerima suatu bayaran balik penuh tolak nilai sebarang servis yang telah disediakan di bawah Pelan. Jika anda membatalkan lebih daripada tiga puluh (30) hari selepas anda menerima Pelan ini, anda akan menerima suatu bayaran balik pro rata daripada harga belian asal, berdasarkan peratusan Tempoh Perlindungan yang belum tamat daripada tarikh belian Pelan tersebut, tolak (a) yuran pembatalan terpakai yang disenaraikan dalam Seksyen 12 di bawah atau sepuluh peratus (10%) daripada jumlah pro rata, yang mana lebih kurang, dan (b) nilai apa-apa perkhidmatan diberikan kepada anda di bawah Pelan. Kecuali undang-undang tempatan terpakai memperuntukkan sebaliknya, Apple boleh membatalkan Pelan ini jika bahagian-bahagian servis untuk Peralatan Dilindungi menjadi tidak ada, selepas tiga puluh (30) hari notis bertulis terdahulu. Jika Apple membatalkan Pelan ini oleh kerana ketiadaan bahagian-bahagian servis, anda akan menerima suatu bayaran balik pro-rata untuk tempoh belum tamat Pelan tersebut.

## **10. Pindahan Pelan**

(i) Dengan Pemindahan Peralatan Dilindungi kepada Pemilik Baru. Tertakluk kepada larangan-larangan yang diuraikan di bawah, anda boleh membuat pindahan kekal sekali sahaja segala hak anda bawah Pelan kepada pihak lain, dengan syarat (a) pindahan termasuk sesalinan bukti belian asal Pelan, Pengesahan Pelan dan segala bahan pembungkusan Pelan, termasuk bahan-bahan bercetak dan Terma-terma dan Syarat-syarat ini; (b) anda memaklumkan Apple mengenai pindahan dengan menghantar atau mengfaks, jika boleh, notis pindahan kepada lokasi Apple sesuai dengan negara anda seperti yang disenaraikan dalam Seksyen 12 di bawah dan (c) pihak yang menerima Pelan menerima Terma-terma dan Syarat-syarat Pelan. Apabila memaklumkan Apple mengenai pindahan Pelan, anda mesti menyediakan Nombor Perjanjian Pelan, nombor siri Peralatan Dilindungi yang dipindahkan, sesalinan bukti belian asal Pelan dan nama, alamat, nombor telefon dan alamat e-mel pemilik baru.

(ii) Dengan Pemindahan Daripada Peralatan Dilindungi Asal kepada Peralatan Dilindungi Baru. Anda boleh membuat pemindahan liputan sekali dan kekal di bawah Pelan tersebut kepada produk Apple baru yang dimiliki dan dibeli oleh anda dalam tiga puluh (30) hari daripada pembelian Peralatan Dilindungi. Produk baru mesti layak untuk liputan di bawah Pelan tersebut dan pada masa pemindahan kedua-dua produk mesti diliputi di bawah waranti terhad pengeluar satu (1) tahun. Apple akan mengeluarkan Pengesahan Pelan untuk produk baru yang akan nanti menjadi Peralatan Dilindungi. Apabila memaklumkan Apple akan pemindahan tersebut, anda mesti memberikan Nombor Perjanjian Pelan, nombor siri dan Bukti Belian produk yang

dihantar dengan mengirim atau mengfaks, di mana tersedia, notis pemindahan kepada Apple seperti dinyatakan dalam seksyen di atas.

## **11. Terma-Terma Am**

(i) Apple boleh mensubkontrakkan atau menyerahkan pelaksanaan obligasinya kepada pihak-pihak ketiga tetapi tidak boleh melepaskan obligasinya terhadap anda bila berbuat demikian.

(ii) Apple tidak bertanggungjawab untuk sebarang kegagalan atau kelewatan dalam perlaksanaannya yang disediakan di bawah Pelan yang disebabkan oleh peristiwa di luar kawalan munasabah Apple.

(iii) Anda tidak dikehendaki untuk melaksanakan penyenggaraan pencegahan pada Peralatan Dilindungi untuk menerima servis di bawah Pelan.

(iv) Pelan ini ditawarkan dan sah hanya dalam negara-negara yang disenaraikan dalam seksyen 12 di bawah. Pelan ini tidak ditawarkan kepada orang-orang yang belum mencapai usia majoriti. Pelan ini mungkin tidak tersedia ada dalam semua negeri atau wilayah dan tidak tersedia di mana dilarang oleh undang-undang.

(v) Dalam melaksanakan obligasinya Apple boleh, menurut budi bicaranya dan hanya untuk tujuan tunggal mengawal kualiti respons Apple, merekodkan sebahagian atau semua panggilan antara anda dan Apple.

(vi) Anda bersetuju bahawa sebarang maklumat atau data yang didedahkan kepada Apple dibawah Pelan ini adalah bukan sulit atau milik anda. Tambahan pula, anda bersetuju bahawa Apple boleh mengutip dan memproses data bagi pihak anda bila ia menyediakan servis. Ini boleh termasuk memindahkan data anda kepada syarikat-syarikat sekutu atau penyedia perkhidmatan mengikut Polisi Privasi Pelanggan Apple (*Apple Customer Privacy Policy*).

(vii) Apple mempunyai langkah-langkah sekuriti, yang sepatutnya melindungi data anda daripada akses atau pendedahan tanpa kebenaran serta pemusnahan secara salah di sisi undang-undang. Anda akan bertanggungjawab untuk arahan-arahan yang anda berikan kepada Apple mengenai pemprosesan data, dan Apple akan cuba untuk mematuhi arahan-arahan tersebut sebagaimana yang diperlukan secara munasabah untuk pelaksanaan obligasi servis dan sokongan di bawah Pelan. Jika anda tidak bersetuju dengan perkara di atas atau jika anda mempunyai soalan-soalan mengenai bagaimana data anda boleh dijejaskan bila diproses dalam cara ini, hubungi Apple di nombor-nombor telefon disenaraikan dalam Panduan.

(viii) Apple akan melindungi maklumat anda mengikut Polisi Privasi Pelanggan Apple tersedia ada di URL [www.apple.com/legal/warranty/privacy](http://www.apple.com/legal/warranty/privacy). Jika anda ingin mempunyai akses kepada maklumat yang Apple pegang berkenaan anda atau jika anda hendak membuat perubahan, akses pada URL [www.apple.com/contact/myinfo](http://www.apple.com/contact/myinfo) untuk mengemaskinikan pilihan perihal perhubungan anda atau anda boleh menghubungi Apple di URL [www.apple.com/privacy/contact](http://www.apple.com/privacy/contact).

(ix) Terma-terma Pelan tersebut termasuk resit jualan asal Pelan dan Pengesahan Pelan mengatasi sebarang terma bertentangan, tambahan atau sebarang terma lain berkenaan sebarang pesanan belian atau dokumen lain dan membentuk pemahaman menyeluruh anda dan Apple berkenaan dengan Pelan.

(x) Anda mesti membeli dan mendaftarkan Pelan sementara produk berjenama Apple anda adalah dalam lingkungan Waranti Terhad Satu Tahun Apple. Apple tidak berobligasi untuk membaharui Pelan ini. Jika Apple menawarkan pembaharuan, ia akan menentukan harga dan terma-terma.

(xi) Tiada proses penyelesaian pertikaian tidak rasmi tersedia di bawah Pelan ini.

(xii) Untuk Pelan-pelan yang dijual di negara APAC, "Apple" adalah entiti yang tersenarai dalam seksyen 12 di bawah. Apple adalah penanggung obligasi undang-undang dan kewangan untuk Pelan-pelan yang dijual di negara yang berkenaan.

(xiv) Tiada bayaran boleh dipotong yang terhutang berhubungan dengan tuntutan yang dibuat di bawah Pelan ini.

(xv) Pelan tersebut tidak akan dibatalkan atas sebab keadaan-keadaan wujud terlebih dahulu dalam Peralatan Dilindungi yang berkelayakan untuk servis di bawah Pelan tersebut.

## **12. Variasi-Variasi Negara, Wilayah dan Negeri**

Variasi-variasi negara, wilayah dan negeri berikut akan mengawal jika berlaku percanggahan dengan sebarang peruntukan Pelan ini:

a) Australia: Hak-hak yang dihuraikan dalam polisi ini berhubungan dengan pemulangan, bayaran balik dan waranti adalah sebagai tambahan kepada hak-hak statutori kepada mana anda mungkin berhak di bawah Consumer and Competition Act 2010 dan undang-undang dan peraturan-peraturan lindungan pengguna Australia lain yang terpakai. Barangan kami datang dengan jaminan yang tidak boleh dikecualikan di bawah Undang-undang Pengguna Australia. Anda berhak kepada penggantian atau bayaran balik untuk kegagalan utama dan untuk pampasan bagi mana-mana kerugian atau kerosakan lain yang dapat dijangkakan dengan munasabah. Anda juga berhak untuk barangan tersebut dibaiki atau diganti jika barangan tersebut gagal mencapai kualiti yang boleh diterima dan kegagalan tersebut tidak merupakan kegagalan yang utama. Pihak-pihak kepada Kontrak – Apple Pty Limited di PO Box A2629, Sydney South, NSW, 1235 ("Apple"). Pembatalan (Seksyen 9) – Batal dengan menghantar notis bertulis kepada AppleCare Administration, Apple Pty Limited di PO Box A2629, Sydney South, NSW 1235. Jika anda batal lebih daripada 30 hari selepas anda menerima Pelan ini, anda akan menerima bayaran balik pro-rata harga belian asal Pelan tolak (i) suatu yuran pembatalan sebanyak \$50 (Dolar Australia) atau 10 peratus daripada jumlah pro-rata, yang mana lebih kurang dan (ii) nilai sebarang servis diberikan kepada anda di bawah Pelan. Pindahan (Seksyen 10) – Pindahan dengan menghantar notis bertulis kepada AppleCare Administration, Apple Pty Limited di PO Box A2629, Sydney South, NSW, 1235. Terma-Terma am (Seksyen 11) – Pelan ini adalah ditawarkan dan sah hanya di Australia. Undang-undang New South Wales mentadbir Pelan ini.

b) China: Pihak-pihak kepada Kontrak – Apple Computer Trading (Shanghai) Co. Ltd. di Room 1815, No. 1 Jilong Road, Waigaoqiao Free Trade Zone, Shanghai 200131 China P.R.C. (“Apple”). Servis Pembaikan atau Penggantian Disediakan (Seksyen 1c(ii)) – Servis onsite adalah tersedia ada untuk kebanyakan komputer meja (*desktop*) jika lokasi Peralatan Dilindungi adalah dalam lingkungan radius 30 kilometer dari penyedia servis onsite dibenarkan Apple di negara China. Pembatalan (Seksyen 9) – Dibatalkan dengan menghantar notis bertulis kepada AppleCare Administration, Apple Computer Trading (Shanghai) Co. Ltd di Plaza 66 office. 45F Plaza 66, 1266 Nanjing West Road, Jing An District, Shanghai 200040, P.R.C. Jika anda batal lebih daripada 30 hari selepas anda menerima pelan ini, anda akan menerima bayaran balik pro-rata harga belian asal Pelan tolak (i) suatu yuran pembatalan sebanyak 220 CNY (Yuan Renminbi Negara China ) atau 10 peratus daripada jumlah pro-rata, yang mana lebih kurang dan (ii) nilai sebarang servis diberikan kepada anda di bawah Pelan. Pindahan (Seksyen 10) – Pindahan dengan menghantar notis bertulis kepada AppleCare Administration, Apple Computer Trading (Shanghai) Co. Ltd di Plaza 66 Office. 45F Plaza 66, 1266 Nanjing West Road, Jing An District, Shanghai 200040, P.R.C. Terma-terma am (Seksyen 11) – Pelan ini adalah ditawarkan dan sah hanya di Negara China. Undang-undang People’s Republic of China mentadbir Pelan ini.

c) Hong Kong: Pihak-pihak kepada Kontrak – Apple Asia Limited beralamat di 2401 Tower One, Times Square, Causeway Bay, Hong Kong (“Apple”). Pembatalan (Seksyen 9) – Batal dengan menghantar notis bertulis kepada AppleCare Administration, Apple Asia Limited beralamat di 2401 Tower One, Times Square, Causeway Bay, Hong Kong. Jika anda batal lebih daripada 30 hari selepas anda menerima pelan ini, anda akan menerima bayaran balik pro-rata harga belian asal Pelan tolak (i) suatu yuran pembatalan sebanyak \$195 (Dolar Hong Kong) atau 10 peratus daripada jumlah pro-rata, yang mana lebih kurang dan (ii) nilai sebarang servis diberikan kepada anda bawah Pelan. Pindahan (Seksyen 10) – Pindahan dengan menghantar notis bertulis kepada AppleCare Administration, Apple Asia Limited beralamat di 2401 One Tower One, Times Square, Causeway Bay, Hong Kong. Terma-terma am (Seksyen 11) – Pelan ini adalah ditawarkan dan sah hanya di Hong Kong. Undang-undang Special Administration Region of Hong Kong mentadbir Pelan ini.

d) India: Pihak-pihak kepada Kontrak – Apple India Private Ltd di 19th Floor, Concorde Tower C, UB City No. 24, Vittal Mallya Road, Bangalore 560-001, India (“Apple”). Pembatalan (Seksyen 9) - Batal dengan menghantar notis bertulis kepada AppleCare Administration, Apple India Private Ltd di 19th Floor, Concorde Tower C, UB City No. 24, Vittal Mallya Road, Bangalore 560-001, India. Jika anda batal lebih daripada 30 hari selepas anda menerima pelan ini, anda akan menerima bayaran balik pro-rata harga belian asal Pelan tolak (i) suatu yuran pembatalan sebanyak 1,300 INR (India Rupees) atau 10 peratus daripada jumlah pro-rata, yang mana lebih kurang dan (ii) nilai sebarang servis diberikan kepada anda di bawah Pelan. Pindahan (Seksyen 10) – Pindahan dengan menghantar notis bertulis kepada AppleCare Administration, Apple India Ltd di 19th Floor, Concorde Tower C, UB City No. 24, Vittal Mallya Road, Bangalore 560-001, India. Terma-Terma am (Seksyen 11) – Pelan ini adalah ditawarkan dan sah hanya di India. Undang-undang Republik India mentadbir Pelan ini.

e) Korea: Pihak-pihak kepada Kontrak – Apple Korea Limited di 3201 ASEM Tower, 159 Samsung-Dong, Gangnam-Gu, Seoul 135-798, Republic of Korea. Pembatalan (Seksyen 9) – Batal dengan menghantar notis bertulis kepada AppleCare Administration, Apple Korea Limited di 3201 ASEM Tower, 159 Samsung-Dong, Gangnam-Gu, Seoul 135-798, Korea. Jika anda batal lebih daripada 30 hari selepas anda menerima pelan ini, anda akan menerima bayaran balik pro-rata harga belian asal Pelan tolak (i) suatu yuran pembatalan sebanyak 32,000 SKW (Won South Korea) atau 10 peratus daripada jumlah pro-rata, yang mana lebih

kurang dan (ii) nilai sebarang servis diberikan kepada anda di bawah Pelan. Pindahan (Seksyen 10) – Pindahan dengan menghantar notis bertulis kepada AppleCare Administration, Apple Korea Limited di 3201 ASEM Tower, 159 Samsung-Dong, Gangnam-Gu, Seoul 135-798, Republic of Korea. Terma-Terma am (Seksyen 11) – Pelan ini adalah ditawarkan dan sah hanya di Republic of Korea. . Undang-undang Republik Korea mentadbir Pelan ini.

f) Brunei, Kemboja, Guam, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Vietnam: Pihak-pihak kepada Kontrak – Apple South Asia Pte. Ltd. beralamat di 7 Ang Mo Kio Street 64, Singapore, 569086 (“Apple”). Pembatalan (Seksyen 9) – Dibatalkan dengan menghantar notis bertulis kepada AppleCare Administration, Apple South Asia Pte. Ltd. beralamat di 7 Ang Mo Kio Street 64, Singapore 569086. Jika anda membatalkan lebih daripada tiga puluh (30) hari selepas anda menerima Pelan ini, anda akan menerima bayaran balik pro-rata harga belian asal Pelan, tolak (i) suatu yuran pembatalan sebanyak \$45 (Dolar Singapura) atau 10 peratus jumlah pro-rata yang mana lebih kurang dan (ii) nilai sebarang servis diberikan kepada anda di bawah Pelan. Pindahan (Seksyen 10) – Pindahan dengan menghantar notis bertulis kepada AppleCare Administration, Apple South Asia Pte. Ltd. beralamat di 7 Ang Mo Kio Street 64, Singapore 569086. Terma-terma am (Seksyen 11) – Pelan ini adalah ditawarkan dan sah hanya di Brunei, Kemboja, Guam, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Vietnam. Undang-undang Republik Singapura mentadbir Pelan ini.

g) New Zealand: Pihak-pihak kepada Kontrak – Apple Pty Limited di PO Box A2629, Sydney South, NSW 1235. (“Apple”). Pembatalan (Seksyen 9) – Batal dengan menghantar notis bertulis kepada AppleCare Administration, Apple Pty Limited di PO Box A2629, Sydney South, NSW 1235. Jika anda batal lebih daripada 30 hari selepas anda menerima pelan ini, anda akan menerima bayaran balik pro-rata harga belian asal Pelan tolak (i) suatu yuran pembatalan sebanyak \$50 (Dolar New Zealand) atau 10 peratus daripada jumlah pro-rata, yang mana lebih kurang dan (ii) nilai sebarang servis diberikan kepada anda bawah Pelan. Pindahan (Seksyen 10) – Pindahan dengan menghantar notis bertulis kepada AppleCare Administration, Apple Pty Limited do PO Box A2629, Sydney South, NSW 1235. Terma-terma am (Seksyen 11) – Pelan ini adalah ditawarkan dan sah hanya di New Zealand. Undang-undang New South Wales mentadbir Pelan ini.

h) Taiwan: Pihak-pihak kepada Kontrak - Apple Asia Limited Liability Company Taiwan Branch 19A, No. 1, Songzhi Rd., Xinyi Dist., Taipei City 11047, Taiwan. Pembatalan (Seksyen 9) – Batal dengan menghantar notis bertulis kepada AppleCare Administration, Apple Asia Limited Liability Company Taiwan Branch 19A, No. 1, Songzhi Rd., Xinyi Dist., Taipei City 11047, Taiwan. Jika anda batal lebih daripada 30 hari selepas anda menerima pelan ini, anda akan menerima bayaran balik pro-rata harga belian asal Pelan tolak (i) suatu yuran pembatalan sebanyak \$900 TWD (Dolar Baru Taiwan) atau 10 peratus daripada jumlah pro-rata, yang mana lebih kurang dan (ii) nilai sebarang servis diberikan kepada anda di bawah Pelan. Pindahan (Seksyen 10) – Pindahan dengan menghantar notis bertulis kepada AppleCare Administration, Apple Asia Limited Liability Company Taiwan Branch di 19A, No. 1, Songzhi Rd., Xinyi Dist., Taipei City 11047, Taiwan. Terma-Terma am (Seksyen 11) – Pelan ini adalah ditawarkan dan sah hanya di Taiwan. Undang-Undang Republik China mentadbir Pelan ini.

i) Thailand: Pihak-pihak kepada Kontrak - Apple South Asia (Thailand) Limited di 25th Floor, Suite B2, Siam Tower, 989 Rama 1 Road, Pataumwan, Bangkok, 10330. Pembatalan (Seksyen 9) – Batal dengan menghantar notis bertulis kepada AppleCare Administration, Apple South Asia (Thailand) Limited di 25th Floor, Suite B2, Siam Tower, 989 Rama 1 Road, Pataumwan, Bangkok, 10330. Jika anda batal lebih daripada 30 hari selepas anda

menerima pelan ini, anda akan menerima bayaran balik pro-rata harga belian asal Pelan tolak (i) suatu yuran pembatalan sebanyak 1000 Baht atau 10 peratus daripada jumlah pro-rata, yang mana lebih kurang dan (ii) nilai sebarang servis diberikan kepada anda bawah Pelan. Pindahan (Seksyen 10) – Pindahan dengan menghantar notis bertulis kepada AppleCare Administration, Apple South Asia (Thailand) Limited di 25th Floor, Suite B2, Siam Tower, 989 Rama 1 Road, Pataumwan, Bangkok, 10330. Terma-Terma am (Seksyen 11) – Pelan ini adalah ditawarkan dan sah hanya di Thailand. Undang-Undang Negara Thailand mentadbir Pelan ini.

120412 APP iPad Malay v1.3